

Keselamatan umat terancam: PM Pembangkang musuhi Islam

BN 20 OCT 1990

Oleh SHAHARUDDIN LATIF

GEORGETOWN, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata umat Islam negara ini kini menghadapi ancaman besar yang boleh memusnahkan mereka berikutan ada kalangan yang sanggup bersekutu untuk mendapatkan pertolongan pihak tertentu yang jelas memusuhi dan menentang Islam.

Perdana Menteri berkata, keadaan ini sangat membimbangkan kerana dalam suasana umat Islam berpecah sekarang, ada umat Islam sendiri sanggup bersekongkol dengan musuh sehingga membahayakan umat Islam yang lain.

"Kita sebenarnya menghadapi ancaman. Perpecahan umat Islam kepada dua kelompok besar yang hampir sama kuat menyebabkan kuasa kita semakin terhakis dan kesempatan ini digunakan oleh pihak tertentu," katanya ketika berucap selepas sembahyang Jumaat di Masjid Jamik Sungai Tiram dekat sini, hari ini.

Menurutnya, ada satu kumpulan Islam di Semenanjung sekarang mendapat pertolongan satu kumpulan yang anti-Islam di Sabah. Kumpulan itu percaya mereka akan mendapat kuasa untuk menentang umat Islam yang ramai di Semenanjung.

"Lebih buruk lagi, kumpulan di Sabah itu

diberi jaminan oleh sekutunya dari Semenanjung kononnya merekalah yang menjadi penentu bakal kerajaan yang akan ditubuhkan nanti.

"Berikutan itu, kumpulan di Sabah itu benar-benar percaya bahawa merekalah yang akan menentukan kerajaan Semenanjung pada pilihanraya ini," katanya.

Sambil menyatakan kesal dengan pemimpin Semenanjung itu (beliau tidak namakan pemimpin berkenaan, tetapi menyebutnya sebagai pemimpin Kelantan), Perdana Menteri berkata, keadaan itu berlaku kerana umat Islam kini berpecah.

"Saya kesal kerana pemimpin Kelantan ini yang sanggup pergi ke Sabah, berbaik dengan orang yang mahu musnahkan kita, hanya semata-mata atas dorongan mahu menubuhkan kerajaan sendiri," katanya.

Perdana Menteri menyatakan bimbang sekiranya kumpulan anti-Islam itu benar-benar mendapat kuasa, umat Islam di Semenanjung akan menghadapi bahaya.

"Sekiranya dia benar-benar berkuasa, apa saja yang diminta, termasuk sistem televisyen sendiri, akan dipenuhi," katanya.

Sehubungan itu, beliau meminta umat Islam di seluruh negara bersatu dan menggunakan pilihanraya Ahad ini untuk

memilih kerajaan yang benar-benar kuat dan dapat membela nasib bangsa, agama dan negara.

"Kita tidak boleh kehilangan teras yang selama ini kita pegang. Sekiranya teras yang kita terajui ini runtuh, umat Islam akan susah," katanya.

Beliau berkata, umat Islam Malaysia harus mengambil iktibar daripada kejadian yang melanda dunia Islam hari ini, khususnya di Palestin dan beberapa negara Teluk yang lain. Bukan saja umat Islam dijadikan mangsa oleh Yahudi dan bukan Islam, tetapi kesilapan umat Islam sendiri menyebabkan mereka menderita.

"Umat Islam di Malaysia bertuah dapat melaksanakan ibadat dan menunaikan tanggungjawab lain yang disuruh oleh agama, sedangkan di beberapa negara Islam lain, bukan saja umat Islam tidak dapat beribadat, tetapi ada yang terpaksa meninggalkan agama kerana ditindas dan ditekan," katanya.

Beliau juga berkata, Pas baru-baru ini ada meminta supaya rundingan diadakan dengan Umno demi kepentingan umat Islam, tetapi parti itu mengenakan beberapa syarat. Sekiranya Pas benar-benar ikhlas, ia tidak harus mengenakan syarat.

"Dengan mengenakan syarat, bermakna kita cuba mendapatkan sesuatu untuk kepentingan sendiri," katanya.